

Inspira*si*

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپيسيتي قنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 33: 17 Ogos 2026

UPSI Cipta Prestasi Membanggakan di SUKUM 2026, Raih 29 Pingat

Kuala Terengganu, 16 Ogos -

Kontinjen Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melakar pencapaian membanggakan pada Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) Ke-46 UniSZA 2026 apabila berjaya mengumpul keseluruhan 29 pingat, terdiri daripada 11 pingat emas, lapan pingat perak dan 10 pingat gangsa.

Pencapaian tersebut membuktikan keupayaan warga UPSI untuk bersaing di pentas sukan antara universiti awam, selain mencerminkan semangat kesukanan, komitmen dan kesungguhan tinggi yang ditunjukkan oleh para atlet sepanjang kejohanan. SUKUM Ke-46 yang berlangsung di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu, menghimpunkan kontinjen daripada 20 universiti awam yang bersaing dalam 19 jenis sukan. Kejohanan edisi kali ini berlangsung dalam suasana kompetitif dengan setiap kontinjen berusaha memberikan persembahan terbaik bagi mengharumkan nama universiti masing-masing.

Kutipan 11 pingat emas menjadi antara pencapaian utama UPSI dalam kejohanan kali ini, sekali gus memperlihatkan konsistensi serta kualiti atlet UPSI dalam beberapa acara yang

dipertandingkan. Antara pencapaian yang menyerlah ialah pasukan olahraga yang menyumbang tiga pingat emas, lima pingat perak dan dua pingat gangsa pada kejohanan yang berlangsung di Stadium UniSZA.

Kejayaan kontinjen UPSI ini turut memperlihatkan bahawa kecemerlangan sukan bukan sahaja menjadi platform untuk membina prestasi fizikal dan kompetitif, malah menjadi medium memperkukuh semangat kekitaan, disiplin, kepimpinan dan kerjasama dalam kalangan warga universiti. Kejayaan tersebut tidak akan tercapai tanpa komitmen tinggi para atlet, pegawai, jurulatih serta seluruh pasukan pengurusan kontinjen yang bekerja keras memastikan persiapan dan penyertaan UPSI berjalan lancar sepanjang temasya.

Pencapaian 29 pingat di SUKUM 2026 juga menjadi suntikan motivasi kepada warga UPSI untuk terus memperkasakan pembangunan sukan universiti serta melahirkan lebih ramai warga yang mampu menyerlah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Nilai JIWA UPSI turut diterapkan sepanjang persiapan Kontinjen SUKUM 2026 melalui lima nilai utama iaitu JIWA Kekeluargaan, JIWA Pendidik, JIWA Kecemerlangan, JIWA Keinsanan dan JIWA Ketakwaan. Sepanjang kem latihan fasa akhir, seluruh pasukan dibentuk sebagai sebuah keluarga besar yang saling menyokong dan melengkapi, di samping berkongsi ilmu, pengalaman dan kepakaran bagi mencapai kecemerlangan.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



UPSI-KPT perkukuh sinergi, teliti agenda strategik universiti

Kuala Lumpur, 15 Ogos - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus memperkukuh sinergi bersama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menerusi kunjungan hormat pengurusan tertingginya kepada Ketua Setiausaha KPT, Datuk Dr. Aminuddin Hassim, di kementerian itu Khamis lalu. Kunjungan yang diketuai Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff itu antara lain menjadi platform untuk membincangkan agenda strategik universiti, khususnya berkaitan hala tuju dan pembangunan UPSI serta usaha memperkukuh peranannya sebagai institusi pendidikan tinggi yang berteraskan pendidikan dan kecemerlangan akademik.

Md Amin berkata pertemuan berkenaan bukan sekadar menjadi wadah untuk mengeratkan hubungan antara UPSI dan KPT, malah membuka ruang perbincangan bagi memperkukuh sinergi serta kerjasama dalam memastikan universiti terus memainkan peranan bermakna dalam memperkasa pendidikan dan pembangunan insan.

“Pertemuan ini memberi ruang

Naib Canselor UPSI tekankan kepimpinan pendidikan bina masa depan

Kuala Lumpur, 13 Ogos - Kepimpinan dalam pendidikan bukan sekadar berkaitan dasar, data dan pencapaian, sebaliknya perlu memberi tumpuan kepada pembangunan manusia serta masa depan generasi akan datang.

Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata perkara itu menjadi antara fokus yang diketengahkannya ketika menyampaikan ucap tama pada Seminar Nasional Institut Aminuddin Baki ke-33 Tahun 2026, semalam.

Menurut beliau, kepimpinan pendidikan perlu melihat peranan

kepada UPSI untuk berkongsi pandangan serta mendapatkan amanat dan pandangan KPT berhubung hala tuju universiti, selain memperkukuh kerjasama strategik bagi memastikan UPSI terus relevan dan memberikan sumbangan kepada pembangunan pendidikan tinggi negara,” katanya. Beliau berkata UPSI komited untuk terus memperkukuh peranan sebagai universiti yang memberi tumpuan kepada bidang pendidikan, di samping memastikan agenda pembangunan universiti dilaksanakan secara terancang dan selari dengan aspirasi pendidikan tinggi negara.

Menurut beliau, aspek tadbir urus turut menjadi antara perkara penting yang perlu diberi perhatian bagi memastikan pengurusan universiti dilaksanakan secara cekap, berkesan dan responsif terhadap keperluan semasa. “Penguatkuasaan tadbir urus dan kapasiti pengurusan universiti amat penting bagi memastikan UPSI mampu bergerak secara lebih strategik, khususnya dalam menghadapi perubahan dan cabaran landskap pendidikan tinggi yang semakin dinamik.”

berani melakukan perubahan serta generasi muda yang meletakkan harapan kepada sistem pendidikan.

“Bagi saya, kepimpinan pendidikan bukan hanya tentang dasar, data dan pencapaian. Ia tentang manusia – tentang guru yang tidak pernah jemu menyalakan cahaya, tentang pemimpin yang berani membuat perubahan, dan tentang anak-anak bangsa yang menaruh harapan kepada kita,” katanya.

Beliau turut mengajak warga pendidikan untuk menilai semula perkara yang sedang dibangunkan, sama ada sekadar sistem yang hebat atau turut melahirkan manusia yang hebat.



1,107 Pegawai Kadet KOR SISPA ditauliah, bakal perkas kesiapsiagaan masyarakat

Tanjong Malim, 16 Ogos - Seramai 1,107 Pegawai Kadet Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (KOR SISPA) menerima pentauliahan pada Majlis Istiadat Pentauliahan KOR SISPA Peringkat Kebangsaan Kali Ke-17 Tahun 2026 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), hari ini.

Ketua Pesuruhjaya Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Mohammad Abiddin Abd Rahman berkata pentauliahan itu bukan sekadar pengiktirafan terhadap kejayaan para kadet menamatkan latihan, sebaliknya menjadi permulaan kepada amanah dan tanggungjawab untuk terus menyumbang kepada masyarakat dan negara. Beliau berkata para pegawai kadet yang ditauliahkan juga diharapkan dapat memperkukuh budaya kesiapsiagaan serta mendukung semangat pertahanan awam dalam apa jua bidang yang diceburi.

“Pentauliahan ini bukan sekadar satu pengiktirafan terhadap kejayaan menamatkan latihan, malah merupakan permulaan kepada

satu amanah dan tanggungjawab untuk terus menyumbang kepada masyarakat, memperkukuh budaya kesiapsiagaan serta mendukung semangat Pertahanan Awam dalam apa jua bidang yang diceburi,” katanya ketika berucap pada majlis itu di Dewan Tuanku Canselor, Kampus Sultan Azlan Shah UPSI. Majlis tersebut disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Hajah Rubiah Wang.

Majlis turut menyaksikan penyampaian Anugerah Piala Ketua Pesuruhjaya Perdana kepada Leftenan Muda (PA) Ahmad Muhammad Jasmi dari UPSI sebagai salah satu pengiktirafan terhadap pencapaian cemerlang dalam KOR SISPA. Dalam pada itu, majlis berkenaan turut mengenang jasa dua Pegawai Kadet KOR SISPA dari Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Allahyarham Leftenan Muda (PA) Iqbal Hansun Halimi dan Allahyarham Leftenan Muda (PA) Aiman Hakimi Rosli, menerusi penyampaian anugerah secara

anumerta kepada waris masing-masing.

Mohammad Abiddin berkata pembangunan KOR SISPA merupakan hasil kerjasama strategik dan komitmen berterusan antara APM dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam membentuk mahasiswa yang mempunyai nilai kepimpinan, disiplin dan kesukarelawan. Beliau berkata KOR SISPA turut menjadi wadah penting dalam memupuk kesiapsiagaan dalam kalangan mahasiswa di institusi pendidikan tinggi di seluruh negara. Menurutnya, sokongan berterusan kepimpinan negara terhadap pembangunan KOR SISPA mencerminkan komitmen dalam melahirkan generasi muda yang bukan sahaja berdisiplin dan berkemahiran, malah mempunyai jiwa sukarelawan.

“Semoga pentauliahan yang diterima pada hari ini menjadi titik permulaan kepada khidmat yang lebih besar kepada masyarakat dan negara,” katanya.

